



PELAJAR ILP Labuan dan UMS Labuan bergambar selepas ceramah integriti dan anti rasuah diadakan.

# Terap nilai anti rasuah dalam kalangan pelajar UMSKAL

UB 22.5.2014 BA

LABUAN: Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Sabah (SPRUMS) Cawangan Kampus Antarabangsa Labuan menganjurkan program ‘Ceramah Integriti Dan Anti Rasuah (CITRA)’, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah UMSKAL Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali merasmikan program itu di Podium B, Bangunan Menara UMSKAL.

Ceramah disampaikan oleh Nur Shafika Juliadari Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, Kota Kinabalu dan wakil dari SPRM Labuan

Noradimah Kassim.

Hadir sama wakil dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMSKAL Roji Sinun, Penyelaras Program Mohd Norizal Jumat dan Pengarah Program Corina Irish Jennis.

Mohd Norizal berkata, program yang julung kali ini diadakan di UMSKAL itu bertujuan menerapkan nilai anti rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi dan pelajar-pelajar serta mendedahkan

pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kepada program-program pencegahan rasuah.

Beliau berkata, program itu

juga untuk menjadikan pelajar IPTA sebagai penyampai mesej anti rasuah kepada masyarakat kampus dan luar kampus serta meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap nilai-nilai integriti semasa menjalankan tugas.

Sementara itu, Corina mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMSKAL dan Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Ismail Ali yang memberi peluang kepada mereka menjalankan program itu.

Program itu juga melibatkan sembilan pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) Labuan dan 62 mahasiswa UMS Labuan.